

Meneroka profesionalisme guru dan pembelajaran PAK21 melalui perspektif demografi

Yusniza Mohamad Yusof, Mohd Hazwan Mohd Puad & Othman Talib
Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia

Corresponding author: gs71029@student.upm.edu.my

Received : October 2024
Accepted : November 2024
Published : December 2024

ABSTRAK

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) iaitu satu pendekatan pembelajaran berpusatkan murid yang menggabungkan kemahiran 4K1N: komunikasi, kerjasama, pemikiran kritis, kreativiti dan nilai murni. Matlamatnya adalah untuk membina modal insan secara menyeluruh. Bagi mencapai hasrat ini, pengajaran dan pembelajaran (PdPC) guru perlu berkesan dan memberi impak kepada murid. Bahagian Pendidikan Guru telah menggariskan dalam Standard Guru Malaysia bahawa peningkatan profesionalisme guru adalah tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia. Oleh itu, pembudayaan PAK21 dalam PdPC memerlukan guru yang profesional. Kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap profesionalisme guru dalam pembudayaan PAK21 melalui analisis demografi. Seramai 330 guru dari empat buah sekolah menengah di Daerah Sentul, Kuala Lumpur iaitu SMK Maxwell, SMK Segambut, SMK Batu Muda dan SMK Sinar Bintang menjadi responden kajian. Kajian ini mendapati bahawa guru perlu disediakan dengan tahap profesionalisme untuk membudayakan PAK21 bersesuaian dengan slogan KPM, 'Menerajui Perubahan'.

Kata kunci: Profesionalisme, pembelajaran abad ke-21 (PAK21), pengajaran dan pembelajaran (PdPC)

ABSTRACT

The Ministry of Education Malaysia has introduced 21st Century Learning (PAK21), a student-centered learning approach integrating 4C1V skills: communication, collaboration, critical thinking, creativity, and noble values. Its aim is to develop holistic human capital. To achieve this goal, effective teaching and learning (PdPC) by teachers must have a meaningful impact on students. The Teacher Education Division has outlined in the Malaysian Teacher Standards that enhancing teacher professionalism is the cornerstone of Malaysia's education system. Hence, cultivating PAK21 in PdPC requires professional teachers. This study was conducted to determine the level of teacher professionalism in fostering PAK21 through demographic analysis. A total of 330 teachers from four secondary schools in the Sentul District, Kuala Lumpur—SMK Maxwell, SMK Segambut, SMK Batu Muda, and SMK Sinar Bintang—served as respondents. The study revealed that teachers need to be equipped with the required level of professionalism to effectively embed PAK21, aligning with the Ministry of Education's slogan, "Leading Transformation."

Keywords: after-school intervention, reading proficiency, students, reading skills

PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berfokus untuk melahirkan modal insan kelas pertama. Bagi mencapai hasrat ini pengajaran dan pembelajaran (PdPC) guru perlu berkesan dan memberi impak kepada murid selaku modal insan yang dihasratkan. PdPC berkesan ini pula dikaitkan

dengan sikap dan kompetensi guru dalam merancang PdPC berdasarkan objektif pembelajaran kerana menurut Zahri Ramlan (2017), sikap, pengetahuan dan kompetensi guru menentukan amalan pengajaran guru dan tahap profesionalisme mereka.

Bahagian Pendidikan Guru menggariskan dalam Standard Guru Malaysia bahawa peningkatan profesionalisme guru adalah tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia. Merujuk kepada penghasilan modal insan, KPM (2014) telah memperkenalkan pembelajaran abad ke 21 iaitu PAK21. PAK21 ini adalah proses pembelajaran berpusatkan murid yang bercirikan elemen kemahiran 4K1N iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti dan nilai murni. Semua elemen ini mensasarkan pembentukan modal insan secara holistik. Oleh itu, untuk mencapai hasrat ini pembudayaan PAK21 dalam PdPC memerlukan guru yang profesional. Maka kajian ini akan menentukan tahap profesionalisme guru terhadap pembudayaan PAK21 dalam kalangan guru.

Pada hari ini, guru perlu kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi dalam memastikan pembudayaan PAK21 di sekolah. Tahap profesionalisme ini juga berbeza mengikut gender dan peringkat perkembangan guru. Hasil dapatan kajian lepas menunjukkan pembudayaan PAK21 masih di tahap sederhana. Faktor seperti tahap profesionalisme guru, gender dan peringkat perkembangan guru seperti mempengaruhi. Guru sendiri mengakui memerlukan program latihan yang berfokus dan berkesan. Pembelajaran secara sendiri mesti disokong melalui pembangunan profesional guru yang berterusan. Salleh (2018) mencadangkan bahawa guru mesti memahami kurikulum dan pengajaran untuk meningkatkan pengajaran, mengembangkan potensi insan, dan meningkatkan tahap profesionalisme keguruan. Kesedaran tentang perubahan dan amalan pedagogi berdasarkan pemahaman konsep kerap menerima kegagalan kerana kecairan maklumat yang berlaku.

Tahap profesionalisme guru dalam bidang tugas, kurikulum, pedagogi dan ilmu pendidikan perlu dipertingkatkan untuk menjadikan guru lebih bersedia menerima perubahan dalam pendidikan. Hasil dapatan kajian ini, diharap dapat membantu pihak seperti KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir sekolah dalam merangka program peningkatan profesionalisme keguruan yang berfokus kepada pembudayaan PAK21 kerana kajian terdahulu menunjukkan masih terdapat guru yang tidak pernah mengikuti kursus berkaitan PAK21 dan mengambil inisiatif menjalankan pembelajaran sendiri untuk mendapatkan pengetahuan tentang PAK21 ini. Pihak yang terlibat juga perlu memikirkan tentang kursus yang sesuai kepada guru pelatih kerana menurut Maizura dan Nur Surayyah (2018), guru pelatih berusaha menjalankan PAK21 walaupun terdapat cabaran dan masalah tertentu walaupun kurang didedahkan dengan latihan PAK21. Ini disokong oleh Badrul Hisham (2016) bahawa guru perlu berupaya memajukan pertumbuhan intelektual dan perkembangan pencapaian akademik yang berterusan semasa berada di Institut Pengajian Guru mahupun di sekolah.

Hasil kajian lepas masih mendapati bahawa terdapat isu dan cabaran dalam pembudayaan PAK21 di sekolah. Nurazlin dan Siti Rahaimah (2019) melaporkan bahawa amalan PAK21 dalam bilik darjah masih sederhana disebabkan masalah dan halangan yang dihadapi. Amalan pengajaran mereka terjejas disebabkan oleh kekurangan pengetahuan, kemudahan, sumber dan beban tugas yang tidak berkaitan. Ini disokong oleh Abdul Rahim, Nooraini dan Abdul Halim (2017) bahawa gangguan tugas lain selain mengajar dan kekangan masa mengganggu pelaksanaan PAK21. Selain kekurangan sumber dan infrastruktur, bilangan murid yang ramai di dalam sesuatu kelas juga mengganggu dalam merancang dan melaksanakan PAK21. Bilangan murid yang ramai ini, menyukarkan aktiviti kumpulan dalam PdPC dijalankan. Ini berkaitan dengan tahap kemahiran guru untuk mengendalikan PAK21 ini. Oleh itu, guru mengakui bahawa mereka memerlukan kursus pembangunan profesional berkaitan PAK21 ini.

Menurut Jaggil dan Muhamad Suhaimi (2018), guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi dua puluh tahun mempunyai tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding guru lain. Manakala guru yang mengajar kurang daripada 10 tahun didapati mempunyai kesediaan yang rendah. Kajian ini perlu melibatkan pengalaman mengajar guru kerana hasil yang berbeza daripada kajian sebelumnya. Guru yang kurang berpengalaman mempunyai toleransi yang lebih tinggi terhadap perubahan, menurut penemuan kajian Vuyisile (2015). Walau bagaimanapun, Adil (2016) menyatakan bahawa kesediaan untuk menerima perubahan mempunyai kesan yang berbeza. Benar, jika dilihat daripada hasil dapatan sebelum ini memberi gambaran bahawa pembudayaan PAK21 masih di tahap sederhana. Oleh itu, objektif kajian ini ialah: (a) menentukan tahap profesionalisme guru berdasarkan sikap, pengetahuan dan kemahiran terhadap pembudayaan PAK21, (b) menentukan tahap profesionalisme guru berdasarkan sikap, pengetahuan dan kemahiran mengikut gender dan pengalaman mengajar.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Profesionalisme dan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru

Guru perlu mempunyai profesionalisme keguruan untuk melaksanakan PdPC. Guru telah dilatih untuk menjadi guru yang profesional dan beretika. Menurut Ornstein dan Levine (2017), terdapat empat ciri yang diperlukan untuk menjadi ahli suatu profesion iaitu ahli mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam, mahir dan pakar dalam bidang tertentu. Terdapat kod etika yang mengawal tingkah laku ahli dan masyarakat untuk diberi kebenaran beroperasi. Oleh itu, guru dianggap sebagai kerjaya kerana mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang yang diajar. Selain itu, guru perlu berpersonaliti positif untuk menjadi seorang guru yang profesional. Berdasarkan teori keprihatinan Fuller (1969), guru melalui tiga peringkat keprihatinan. Peringkat pertama ialah keprihatinan terhadap diri iaitu guru merasa risau tentang kemampuan mengawal kelas serta tanggapan ibu bapa dan rakan sejawat. Peringkat kedua, keprihatinan terhadap tugas, melibatkan usaha guru untuk memperbaiki kualiti pengajaran dan menguasai isi kandungan pelajaran. Peringkat terakhir ialah keprihatinan terhadap impak iaitu guru mula memberi perhatian kepada keperluan individu murid yang pelbagai. Oleh itu, PAK21 memerlukan guru yang mahir dan profesional untuk membudayakannya selari dengan perkembangan pedagogi masa kini. Guru yang menyiapkan diri mereka ke tahap profesional akan mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi dan lebih terancang dengan menjalankan penyelidikan untuk peningkatan kerjaya.

Penyelidikan membawa kepada inovasi dalam pendidikan kerana penyelidikan merubah paradigma dan pemikiran. Ternyata pemikiran profesional guru merupakan terjemahan konstruk profesionalisme. Menurut Jaggil dan Muhamad Suhaimi (2018), sikap dan kesediaan guru mempengaruhi dan amat penting bagi menentukan kejayaan pelaksanaan PAK21 ini. Pernyataan ini disokong oleh Junita dan Wan Mohd Rashid (2020) iaitu isu berkaitan profesionalisme guru ini perlu diberi keutamaan kerana ia membawa kesan terhadap sistem pendidikan negara. Habibah, Zaharah, Saedah, Mohd Ridhuan, Ahmad Arifin dan Norshahrul (2016) bersetuju bahawa kemahiran pengajaran adalah penting kerana tanpanya, proses PdPC tidak akan berjaya dan kecemerlangan murid akan terjejas. Menurut Kod Profesional Pengajaran Malaysia (KPM, 2016), bidang perguruan Malaysia mempunyai kod etika pengajaran yang mewajibkan guru mempunyai kualiti sosial, profesional dan peribadi seperti adil, berdedikasi, peka, inovatif dan sebagainya. Walaupun peningkatan profesionalisme guru memerlukan proses dan masa, Mohd Aizat dan Kamarudin (2020) merumuskan bahawa guru bertanggungjawab mempertingkatkan tahap profesionalisme melalui pelbagai cara.

PAK21 ini dilaksanakan seiring dengan perkembangan dunia pendidikan. Aspek pengetahuan, kemahiran dan pemupukan nilai diterapkan untuk membina kemenjadian murid. Kurikulum dan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan telah dikaji semula untuk memenuhi perubahan. Ia diharapkan dapat menghasilkan murid yang serba boleh untuk menghadapi cabaran kerjaya akan datang. Bertepatan dengan itu amalan pedagogi berfokuskan murid diperkenalkan seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pendekatan STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) dan aktiviti PAK21. PdPC berkesan ini dikaitkan dengan sikap dan kompetensi guru untuk merancang PdPC berdasarkan objektif pembelajaran.

Menurut KPM (2014), PAK21 dikenali sebagai proses pembelajaran berpusatkan murid berteraskan elemen kemahiran 4K (komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti) serta penerapan nilai murni dan etika. Nilai dan etika pula membawa maksud murid membudayakan nilai murni yang dipelajari dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Kepentingan nilai murni ini untuk membina keperibadian murid bercirikan abad ke-21, melahirkan pemimpin yang berwibawa, mendidik menjadi warga masyarakat yang bertanggungjawab, membina perpaduan dan sahsiah terpuji. Kemahiran komunikasi berlaku antara murid dan guru, antara murid dan murid dan antara murid dan bahan yang digunakan dalam PdPC. Kemahiran kolaboratif ialah apabila murid bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan atau berpasangan untuk bertukar pandangan dan idea. Kemahiran berfikir secara kritis pula apabila murid membuat aktiviti penyelesaian masalah dengan pelbagai cara serta mempraktikkan teknik penyoalan yang betul. Manakala kreativiti adalah pendekatan guru menggunakan elemen dan menggalakkan murid berfikiran kreatif. Sementara itu, PAK21 digunakan dalam kajian ini untuk merujuk kepada pendekatan pedagogi guru. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (1994) menyatakan bahawa pembudayaan ialah proses atau cara sesuatu pemikiran, ilmu dan sebagainya dibudayakan. Perkataan pembudayaan dalam kajian ini merujuk kepada PAK21 menjadi praktik, amalan dan kebiasaan guru.

Bagi mengenal pasti tahap profesionalisme guru terhadap pembudayaan PAK21, data boleh dikumpul berdasarkan demografi seperti gender dan pengalaman mengajar. PAK21 menekankan elemen 4K1N. Manakala tahap profesionalisme melibatkan aspek seperti etika kerja, tanggungjawab dan kejujuran. Profesionalisme merangkumi kebolehan, kemahiran dan cara melaksanakan tugas yang mencerminkan ciri seorang profesional. Dalam kajian ini, profesionalisme melibatkan sikap, pengetahuan, dan kemahiran guru. Sikap merujuk kepada pandangan serta penerimaan guru terhadap pembudayaan PAK21 yang mungkin dipengaruhi oleh emosi atau keadaan sekeliling. Pengetahuan ialah pemahaman guru mengenai konsep pembudayaan PAK21. Kemahiran pula merujuk kepada keupayaan guru mengintegrasikan elemen PAK21 dalam pengajaran mereka. Guru boleh dibahagikan mengikut gender dan pengalaman mengajar contohnya guru berpengalaman mengajar kurang dari 5 tahun, 5 hingga 10 tahun atau lebih dari 10 tahun.

O'Brien (2016) menyatakan bahawa terdapat sejumlah besar kajian yang dijalankan mengenai tahap profesionalisme guru ini. Ini menunjukkan betapa pentingnya tahap profesionalisme pendidik dalam menyokong matlamat pendidikan negara. Oleh itu, merujuk kepada tahap perkembangan guru berdasarkan teori keprihatinan Fuller (1969) adalah penting. Teori ini menjelaskan bahawa perkembangan guru melibatkan tiga peringkat utama iaitu keprihatinan terhadap diri, tugas dan murid. Pada peringkat keprihatinan diri, guru memberi tumpuan kepada kawalan kelas serta menerima maklum balas daripada ibu bapa dan rakan sekerja. Peringkat tugas pula menekankan usaha guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan mendalami isi kandungan mata pelajaran. Akhirnya, peringkat impak dicapai apabila guru mula menilai kesan proses PdPC dengan mengambil kira pelbagai tahap kebolehan murid. Perkembangan guru ini adalah proses semula jadi dan bertindak balas kepada perubahan dalam persekitaran pembelajaran. Perubahan ini termasuk perubahan dalam kurikulum, tempat bertugas dan tahap kebolehan murid.

Menurut Trotter (1986) terdapat lima peringkat perkembangan guru iaitu peringkat novis, novis lanjutan, cekap, mahir dan pakar. Peringkat novis adalah guru yang telah berkhidmat sekitar 1 tahun. Guru novis sering dianggap pasif dan kurang kreatif kerana masih belum mencapai tahap yang dikehendaki oleh pihak sekolah. Mereka masih dalam proses penyesuaian diri dengan persekitaran sebenar bilik darjah dan sekolah. Sepanjang peringkat ini guru telah mula mempelajari cara mengajar secara berfakta dan berkonsep dengan peraturan asas pengajaran tetapi masih mempunyai kawalan kelas yang lemah dan kurang berpengalaman dalam permasalahan yang berlaku di sekolah. Mereka juga masih kurang mahir dalam menguruskan aktiviti kurikulum, ko-kurikulum dan sukan. Mereka masih perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang terutamanya berkaitan kaedah dan pedagogi PdPC. Caroline dan Abdul Said (2014) menyokong tanggapan bahawa pentingnya tahap profesionalisme guru novis dalam pengetahuan dan kemahiran PdPC.

Peringkat novis lanjutan pula telah berkhidmat sekitar 3 tahun. Sepanjang tempoh ini, mereka berjaya meningkatkan dan memperkukuh kefahaman mereka tentang fakta, idea dan prinsip yang berkaitan dengan PdPC. Pengalaman dalam amalan bilik darjah meningkatkan keyakinan tetapi memerlukan bimbingan daripada guru mentor untuk mengekalkan minat dan dorongan. Selain itu, guru cekap mempunyai kelulusan akademik dan telah berkhidmat selama kira-kira lima tahun. Mereka memberi lebih fokus kepada pembelajaran murid, memahami konsep dan prinsip pembelajaran dalam pelbagai situasi. Mereka menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk menyesuaikan keperluan murid dengan tahap keupayaan yang berbeza, melaksanakan visi dan memanfaatkan teknologi maklumat. Mereka juga bersikap positif, sabar, bermotivasi dan komited untuk menambah baik kualiti pengajaran secara berterusan. Mereka sentiasa peka terhadap keperluan, menilai kekuatan dan kelemahan murid.


Manakala guru pada peringkat mahir telah berkhidmat sekitar 10 tahun. Ini bermaksud mereka telah mahir dalam bidang kerjaya perguruan ini dan terlatih, menjadi idola murid kerana mempunyai gaya, ironi dan aura tersendiri. Berkebolehan membuat keputusan berdasarkan pengalaman, dapat menganalisis maklumat kompleks, berfikiran kreatif, mahir berkomunikasi dan berusaha menghasilkan suasana pembelajaran dinamik selaras motivasi yang berkesan. Manakala guru pada peringkat pakar mempunyai pengalaman berkhidmat sekitar 15 tahun. Peringkat ini guru mempunyai kemahiran, pengetahuan, dan kepakaran tinggi dalam mata pelajaran khususnya dalam PdPC dan berada di tahap pencapaian menjadi pakar rujuk kerana dapat mengaplikasi apa yang dipelajari dengan lancar, pelbagai dan menguasai isi kandungan mata pelajaran. Guru pakar mempunyai keupayaan mempamerkan profesionalisme, mempunyai idea, bersahsiah terpuji, berketerampilan dan berpegang teguh kepada prinsip perguruan dan perkhidmatan awam. Mereka bijak mengurus masa, bahan, sumber dan pandai berkomunikasi. Mereka boleh menyampaikan mesej dengan berkesan, berwawasan, proaktif, responsif

dan inovatif untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Bertepatan dengan itu, Mohd Aizat dan Kamarudin (2020) berpendapat bahawa guru mesti bertanggungjawab untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru, sama ada melalui usaha mereka sendiri atau KPM. Mereka perlu sentiasa berubah untuk kekal profesional.

Berdasarkan tingkah laku dalam bilik darjah, teori perkembangan guru telah dibangunkan oleh Berliner (1988). Model ini menggambarkan perkembangan guru sebagai proses membangunkan guru untuk mencapai tahap kepakaran dan kecemerlangan (Berliner, 1995). Guru novis, contohnya mempelajari fakta, memperoleh pengalaman dan mendapat pengetahuan tentang peraturan umum yang sesuai untuk semua konteks manakala guru novis lanjutan lebih maju kerana mereka lebih berpengalaman. Tingkah laku guru mula dipengaruhi oleh pelbagai perkara. Guru cekap mampu membuat keputusan mengikut kepentingan mereka dan membuat persiapan dengan lebih baik kerana berpengalaman. Guru mahir juga boleh mencari maklumat dalam pelbagai keadaan dan membuat ramalan pantas tentang perkara yang berlaku. Guru mahir telah menguasai semua pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang mereka.

Menurut Kang Mu Huai dan Lim Hooi Lian (2015), pengetahuan dan keprihatinan guru tidak dipengaruhi oleh pengalaman mengajar. Usaha mengadakan program dan latihan intensif dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan keprihatinan guru. Ini disokong oleh Yusof dan Mei Hung (2018), guru harus diberikan pelbagai program pembangunan profesionalisme. Teori peringkat perkembangan guru (Trotter, 1986; Nazihah, 2018) menerangkan proses perkembangan yang berlaku antara guru pelatih dan guru profesional sepanjang masa. Ia menyumbang kepada perkembangan profesionalisme kerana mereka menjadi lebih prihatin terhadap isu yang dihadapi dan menjadi lebih kreatif dalam merancang dan melaksanakan strategi dalam penyelesaian isu. Ia banyak membantu meningkatkan amalan pengajaran dan mendapatkan maklumat baharu untuk meningkatkan kompetensi diri. Ini menunjukkan bahawa pembangunan profesionalisme guru adalah penting. Kemahiran kepimpinan guru juga perlu dipertingkatkan untuk kepentingan sekolah dan kejayaan murid. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa terdapat dua kategori guru iaitu guru pakar dan guru bukan pakar (novis, novis lanjutan, cekap dan mahir.)

Guru akan melaksanakan tugasnya secara efektif sekiranya memiliki tahap profesionalisme yang tinggi bersesuaian dengan kompetensi dan keterampilan yang dimiliki. Profesionalisme adalah sifat sewajarnya dilakukan oleh seorang profesional kerana mempunyai komitmen terhadap profesion yang diceburi. Daripada kerangka di Rajah 1 di bawah ini dapat dilihat tiga elemen tahap profesionalisme iaitu sikap, pengetahuan dan kemahiran saling bersandaran bagi merealisasikan pembudayaan PAK21.




Rajah 1. Kerangka teori profesionalisme

Ia menunjukkan bahawa kerangka teori profesionalisme terdiri daripada tiga kompetensi guru iaitu kompetensi peribadi yang merujuk kepada keupayaan guru untuk melaksanakan prinsip moral seperti kebenaran, keadilan dan kebersihan. Ia menentukan pandangan guru tentang pelaksanaan kurikulum, memahami penerimaan dan penolakan murid terhadap kurikulum. Sejauh mana PAK21 ini akan dilaksanakan bergantung pada pemikiran guru. Seterusnya ialah kompetensi sosial yang merupakan keprihatinan guru terhadap isu sosial selaras dengan ajaran Islam seperti melakukan perkara yang baik. Namun begitu, kompetensi pedagogi melibatkan pengetahuan dan pengalaman guru yang mendalam tentang kandungan serta strategi pengajaran bilik darjah yang berkesan. Guru boleh membantu murid memahami idea dan fakta dengan lebih baik. Oleh itu, kajian ini akan berfokuskan


kepada kompetensi guru ini kerana profesionalisme guru meliputi tiga aspek ini.

Menurut KPM (2016), pembangunan profesionalisme keguruan amat penting bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dalam melaksanakan tugas. Profesionalisme ini berkait rapat dengan ciri-ciri profesional seperti kelayakan, pematuhan etika dan pengiktirafan oleh badan profesional. Bagi memastikan keberhasilan dasar pendidikan, tahap profesionalisme PPP di semua peringkat perlu sentiasa ditambah baik. Sehubungan itu, KPM telah mengambil pelbagai langkah termasuk memperkemas laluan kerjaya PPP, memperkenalkan konsep Guru Malaysia, melaksanakan Penilaian Bersepadu PPP (PBPPP) dan menggalakkan pembangunan profesional berterusan (PPB). Kerangka konseptual kajian ini dirujuk seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2. Kerangka konseptual kajian

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa profesionalisme keguruan dipengaruhi oleh teori keprihatinan dan peringkat perkembangan guru. Ia mempengaruhi profesionalisme guru dalam pembudayaan PAK21 di sekolah. Guru bersedia untuk menyertai aktiviti pembangunan profesional, berdisiplin, menepati masa dan berusaha untuk memperbaiki diri. Guru profesional pasti dapat merancang pengajaran harian berdasarkan sukatan pelajaran, menggunakan bahan mengikut tahap keupayaan murid, memanfaatkan pelbagai sumber, mengaplikasi pelbagai kaedah PAK21 dan menjalankan penilaian berterusan. Selain itu, guru mempunyai keupayaan untuk menggunakan elemen kesepaduan, memotivasikan murid, mewujudkan persekitaran PdPC menyeronokkan, mengawal disiplin murid, berkomunikasi dengan berkesan di bilik darjah dan sentiasa merekodkan prestasi murid.



Rajah 3. Komponen standard guru Malaysia (SGM) 2.0

Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0 menyediakan panduan mengenai kompetensi dan etika yang perlu dikuasai serta diamalkan oleh guru. Dokumen ini terbahagi kepada dua aspek utama iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan seperti dalam Rajah 3. Guru perlu memiliki kemahiran dan prinsip moral yang tinggi bagi memastikan keberkesanan PdPC serta mengekalkan martabat profesion

keguruan di mata masyarakat. SGM 2.0 menyasarkan pelbagai pihak seperti guru, guru pelatih, pengetua, pengurus pendidikan dan penyedia latihan keguruan. Ia membantu merancang pembangunan profesionalisme dengan mengenal pasti keperluan dalam aspek kompetensi, pengetahuan, etika dan kemahiran diri. Bagi guru pelatih, dokumen ini menjadi rujukan untuk memahami keperluan kerjaya sebelum bertugas. Pengurus pendidikan pula boleh menggunakannya untuk menilai keperluan institusi latihan manakala penyedia latihan memastikan peluang PPB yang relevan tersedia untuk guru. Selain itu, pengetua dan guru besar boleh merancang program PPB di sekolah, manakala agensi latihan keguruan boleh memperbaiki strategi pembangunan guru. Melalui panduan ini, guru yang berkualiti tinggi dapat dihasilkan, memberi impak positif kepada murid dan sekolah.



Rajah 4. Empat domain kompetensi dan teras keguruan

Rajah 4 di atas menunjukkan empat domain kompetensi iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi. Domain kompetensi ini menetapkan kemahiran yang diperlukan oleh setiap guru untuk melaksanakan PdPC dengan berkesan. Terdapat juga empat teras etika keguruan iaitu tanggungjawab terhadap profesion, ibu bapa dan penjaga, murid, masyarakat dan negara. Ini termasuklah prinsip moral dan nilai akhlak yang merupakan prinsip amalan guru Malaysia. Diharapkan SGM 2.0 ini dapat membantu menghasilkan guru yang bermoral tinggi, berketerampilan, berpengetahuan, berkemahiran dan bertanggungjawab bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara.

METHODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan dijalankan di Kuala Lumpur, Malaysia melibatkan empat buah sekolah menengah di Daerah Sentul iaitu SMK Maxwell, SMK Segambut, SMK Batu Muda, dan SMK Sinar Bintang. Saiz sampel ditentukan berdasarkan Jadual Cohen, Manion & Morisson serta Jadual Krejcie dan Morgan. Instrumen soal selidik yang digunakan terdiri daripada lima bahagian: Bahagian A mengumpulkan data demografi, Bahagian B menilai tahap profesionalisme sikap guru, Bahagian C menilai tahap profesionalisme pengetahuan guru, Bahagian D menilai tahap profesionalisme kemahiran guru, dan Bahagian E menilai pembudayaan PAK21. Responden memberi jawapan menggunakan skala interval 10 mata, dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju). Instrumen soal selidik ini mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kerana telah dinilai oleh tiga pakar. Kajian rintis di SMK Menjalara melibatkan 40 responden, menunjukkan soal selidik adalah konsisten, dengan nilai Alfa Cronbach melebihi 0.7. Setelah itu, soal selidik dijawab oleh

330 guru daripada sekolah terlibat sebagai responden sebenar. Data demografi responden dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Maklumat Demografi Responden

	Pembolehubah	Frekuensi (%)
Gender	Lelaki	6 (15.0)
	Perempuan	34 (85.0)
Pengalaman Mengajar	1 hingga 10 tahun berkhidmat	4 (10.0)
	Lebih daripada 10 tahun berkhidmat	36 (90.0)

Analisis nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstruk

Jadual 2 di bawah menunjukkan analisis nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi setiap konstruk dengan purata di antara 0.92 hingga 0.94. Ini menunjukkan responden mempunyai tahap kebolehfahaman yang sangat baik terhadap soalan diberikan.

Jadual 2. Nilai Kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*)

Item	Alpha Cronbach	Bilangan soalan
Bahagian B: Tahap Profesionalisme Sikap Guru	0.92	10
Bahagian C: Tahap Profesionalisme Pengetahuan Guru	0.94	7
Bahagian D: Tahap Profesionalisme Kemahiran Guru	0.94	7
Bahagian E: Pembudayaan PAK21	0.93	7

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan 330 orang guru. 21% lelaki dan 79% perempuan. Sebanyak 68.5% daripada mereka mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun dan selebihnya mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 10 tahun dalam pelbagai bidang pengkhususan. Rumusan data kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah :

Jadual 3. Maklumat demografi responden

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Gender	Lelaki	70
	Perempuan	260
Pengalaman Mengajar	1 – 10 tahun	104
	Lebih 10 tahun	226

Tahap profesionalisme sikap guru

Jadual 4. Tahap profesionalisme sikap guru

Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Saya memahami bidang perguruan merupakan kerjaya profesional.	8.74	1.32	Kebanyakan responden menunjukkan maklum balas positif. Namun begitu, terdapat beberapa responden yang sangat tidak bersetuju dengan item yang diberikan. Secara keseluruhannya dengan purata sebanyak 8.37 menunjukkan tahap profesionalisme sikap guru adalah meyakinkan.
Saya bersedia menerima transformasi pendidikan.	8.75	1.32	
Saya bertanggungjawab mengoptimumkan pengetahuan dan kemahiran dalam PAK21.	8.45	1.69	
PAK21 tidak membebankan tugas sebagai guru.	8.44	1.78	
Saya mengurus masa instruksional secara optimum dalam PAK21.	8.54	1.74	
Saya bersikap rasional dalam menguruskan keperluan murid.	8.48	1.78	
Saya memberi peluang murid untuk menyerlahkan potensi mengikut tahap keupayaan mereka.	8.05	1.38	
Saya menggunakan pertimbangan profesional semasa memberikan tahap penguasaan murid dalam pentaksiran bilik darjah (PBD).	7.87	1.63	
Saya membuat refleksi pada Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dengan telus setiap kali selepas PdPC.	7.96	1.54	

Saya merujuk refleksi pada RPH untuk merancang penambahbaikan PdPC.	8.18	1.62
Keseluruhan Profesionalisme Sikap Guru	8.37	0.98

Tahap profesionalisme pengetahuan guru

Jadual 5. Tahap profesionalisme pengetahuan guru

Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Saya memahami kerangka konsep PAK21.	7.59	1.33	Terdapat hanya seorang responden tidak bersetuju dengan item 'saya memahami kerangka konsep PAK21, saya memahami standard asas PAK21 (4K1N), saya memahami tentang PBD dan saya dapat merancang PBD yang sesuai dengan objektif pembelajaran PAK21'. Sebaliknya, majoriti responden sangat bersetuju dengan purata 8.11 untuk semua item. Oleh itu, tahap profesionalisme pengetahuan guru menunjukkan hasil dapatan yang positif.
Saya memahami standard asas PAK21 (komunikasi, kolaboratif, kreatif, kritis dan nilai (4K1N)).	7.74	1.43	
Saya memahami tentang persediaan fizikal bilik darjah.	7.81	1.39	
Saya memahami tentang PBD.	7.69	1.62	
Saya dapat merancang PBD yang sesuai dengan objektif pembelajaran PAK21.	8.17	1.69	
Saya berkongsi objektif pembelajaran dengan murid supaya mereka mampu mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.	7.82	1.45	
Saya boleh mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan sebenar murid.	7.89	1.32	
Keseluruhan Profesionalisme Pengetahuan Guru	8.11	1.14	

Tahap profesionalisme kemahiran guru

Jadual 6. Tahap profesionalisme kemahiran guru

Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Saya boleh menyampaikan konsep isi pelajaran dengan jelas.	8.12	1.25	Analisis tahap profesionalisme kemahiran guru ini menunjukkan purata kekerapan sebanyak 7.90. Kebanyakan responden bersetuju dengan hampir kesemua item yang diberikan. Namun begitu, terdapat hanya seorang responden memilih sangat tidak bersetuju dengan pernyataan 'saya mahir dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran PAK21 (<i>Think Pair Share, Hot Seat, Gallery Walk</i> dan sebagainya)' dan 'saya mahir menggunakan kaedah penyzoalan 5W1H untuk merangsang pemikiran aras tinggi murid'. Item 'saya mahir mengintegrasikan pengetahuan STEM melalui strategi projek dalam konteks dunia sebenar' telah mencatatkan maklum balas terendah bagi sangat setuju dengan hanya 4.2% jika dibandingkan dengan item 'saya mahir memberi tunjuk ajar tentang penyelesaian
Saya mahir memberi tunjuk ajar tentang penyelesaian masalah kepada murid.	8.02	1.27	
Saya mahir dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran PAK21 (<i>Think Pair Share, Hot Seat, Gallery Walk</i> dan sebagainya).	7.57	1.52	
Saya mahir menggunakan elemen merentas kurikulum semasa menyampaikan isi pelajaran kepadamurid.	7.95	1.39	
Saya mahir menggunakan kaedah penyzoalan 5W1H untuk merangsang pemikiran aras tinggi murid.	8.02	1.44	
Saya mahir menggunakan sumber pendidikan secara optimum.	7.91	1.34	
Saya mahir mengintegrasikan pengetahuan STEM melalui strategi projek dalam konteks dunia sebenar.	7.36	1.54	
Keseluruhan Profesionalisme Kemahiran Guru	7.90	1.12	

masalah kepada murid yang merekodkan maklum balas sangat setuju tertinggi dengan 17.6%’.

Tahap pembudayaan pembelajaran abad ke-21 (PAK21)

Jadual 7. Tahap pembudayaan pembelajaran abad ke-21 (PAK21)

Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Saya mengamalkan PAK21 kerana percaya impak hasil pembelajarannya.	7.65	1.40	Hasil dapatan menunjukkan maklum balas yang pelbagai tentang pembudayaan PAK21 dengan purata kekerapan 7.86. Terdapat beberapa orang responden memberikan maklum balas sangat tidak bersetuju kepada beberapa item. Walaubagaimanapun, lebih 5% responden sangat bersetuju dengan semua item dalam bahagian ini.
Saya menyusun semula keperluan DSKP mengikut keupayaan murid bagimencapai objektif pembelajaran.	7.83	1.36	
Saya sentiasa mewujudkan persekitaran pembelajaran yang adil kepada semua murid.	8.26	1.27	
Saya mengamalkan komunikasi efektif dalam menerapkan nilai murni dalam PAK21.	8.06	1.36	
Saya sentiasa menggunakan maklumbalas murid untuk membuat penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran.	8.07	1.24	
Saya sentiasa mempamerkan hasil kerja murid di dalam bilik darjah.	7.65	1.45	
Saya sentiasa bekerjasama dengan pemegang taruh untuk membudayakanPAK21.	7.50	1.69	
Keseluruhan Pembudayaan Abad Ke-21	7.86	1.19	

Perbezaan tahap amalan profesionalisme mengikut gender dan pengalaman mengajar

Jadual 8. Perbezaan tahap amalan profesionalisme

Item	Gender		Pengalaman Mengajar	
	t	Nilai-p	t	Nilai-p
Profesionalisme Sikap	0.63	0.527	1.00	0.319
Profesionalisme Pengetahuan	-0.55	0.587	1.49	0.138
Profesionalisme Kemahiran	-0.08	0.934	2.01	0.045
Pembelajaran PAK21	-0.11	0.916	2.95	0.004

Apabila nilai p melebihi 0.05, analisis ujian-t tak bersandar menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru berdasarkan sikap, pengetahuan, kemahiran terhadap pembudayaan PAK21 tidak berbeza mengikut gender. Nilai p adalah 0.527, 0.587, 0.934, dan 0.916. Selain itu, analisis keputusan menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara berlaku antara guru pakar dan guru bukan pakar (novis, novis lanjutan, cekap dan mahir). Nilai p masing-masing adalah 0.319 dan 0.138 melebihi 0.05. Hasil dapatan menunjukkan bahawa guru pakar dan guru bukan pakar berbeza dalam tahap profesionalisme berdasarkan kemahiran dengan nilai p, 0.045. Maklum balas pembudayaan PAK21 menunjukkan perbezaan dari segi maklum balas di antara guru pakar dan guru bukan pakar terhadap pembudayaan PAK21 apabila nilai p kurang dari 0.05 (0.004).

LIMITASI KAJIAN

Hasil kajian ini dapat meningkatkan pemahaman tentang peranan profesionalisme guru dalam mewujudkan PAK21 di sekolah. Walau bagaimanapun kajian ini mempunyai batasannya. Pertama, ia hanya melibatkan guru di 4 buah sekolah menengah di Daerah Sentul, Kuala Lumpur. Maka hasil dapatan ini tidak mewakili semua guru di Malaysia. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa guru dalam persekitaran pengajaran yang berbeza mempunyai keperluan dan persepsi yang berbeza. Ini termasuk kepuasan kerja dan cara mereka mengajar (Sabariah et al., 2013). Kajian lanjutan harus melibatkan guru dari pelbagai tempat untuk mendapatkan hasil yang lebih komprehensif. Selain itu, kajian ini hanya melihat demografi dari segi gender dan pengalaman mengajar. Prestasi kerja, pembangunan sendiri (Pa-alisbo, 2017) dan pengurusan kelas mungkin lebih relevan untuk menentukan profesionalisme guru.

Selain itu, kaedah soal selidik kuantitatif yang digunakan melalui platform dalam talian seperti Google Form menghadapi isu seperti jumlah maklum balas yang diterima termasuk faktor individu, minat dan kerahsiaan maklumat adalah antara faktor yang mempengaruhi metodologi ini (Saleh & Bista, 2017). Oleh itu, kajian akan datang disarankan untuk menggunakan teknik pengumpulan data yang lebih pelbagai seperti temu bual dan analisis dokumen untuk mendapatkan hasil yang lebih mendalam dari pelbagai sudut pandangan.

KESIMPULAN

Penerapan elemen PAK21 penting untuk memastikan keberkesanan pembelajaran dan ketersediaan murid menghadapi perkembangan global. Walau bagaimanapun, pelbagai kajian menunjukkan isu dan halangan dalam pembudayaan PAK21 termasuk pengetahuan yang tidak mencukupi, kebolehan guru, kemudahan dan sumber serta beban tugas yang tidak berkaitan yang menjejaskan pengajaran (Nooraini & Abdul Halim, 2017; Norazlin & Siti Rahaimah, 2019; Abu Yazid et al., 2019). Selain itu, penemuan berbeza dari segi faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PAK21 di sekolah dan tahap kesediaan guru (Jaggil & Muhamad Suhaimi, 2018; Adil, 2016; Vuyisile, 2015).

Amalan profesionalisme guru penting untuk memastikan pendidikan berkualiti. Pembangunan profesional menjadikan guru lebih berpengetahuan dan mahir dalam PdPC. Kecekapan PAK21 penting untuk menambah ilmu dalam pendidikan, membangunkan kepimpinan dan memastikan pembelajaran relevan (Washington, 2019). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa amalan PAK21 dan keupayaan guru untuk mengajar mempunyai kesan positif. Noor Lela et al. (2019) mendapati bahawa pelaksanaan PAK21 di 34 buah sekolah di Perak adalah berkesan, disokong oleh kemahiran komunikasi dan teknologi maklumat guru. Manakala di 242 buah sekolah menengah di Zon Selatan Semenanjung Malaysia, Jamilah dan Siti Noor (2020) mengkaji hubungan kuat antara kemahiran moden dan kecekapan profesional. Menurut kajian dari luar negara (Pa-alisbo, 2017; Haug & Mork, 2021; Anagün, 2018; Warner & Kaur, 2017), amalan profesionalisme guru memainkan peranan penting dalam PAK21.

Menurut OECD (2017) pula, isu gender dalam kerjaya akademik merupakan isu serius di seluruh dunia. Pilihan kerjaya lelaki dan wanita di Malaysia berbeza kerana keluarga dan minat walaupun peluang kerjaya sama rata (Lim, 2019). Guru lelaki lebih bersedia untuk menerima inovasi berbanding guru wanita, menurut kajian (Kim et al., 2017). Sebaliknya, guru pelatih perempuan menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam penilaian kemahiran mengajar (Ahiatrogah, 2017). Seiring dengan hasil kajian sebelumnya, kajian ini mendapati bahawa perbezaan gender tidak mempengaruhi tahap amalan profesionalisme guru. Jamilah dan Siti Noor (2020) menunjukkan bahawa dalam pelaksanaan PAK21 di sekolah menengah Zon Selatan Semenanjung Malaysia, tiada perbezaan ketara di antara guru lelaki dan perempuan. Penemuan ini disokong oleh Roustae (2014) dan Mohammad Azri dan Han (2020). Tiada hubungan yang signifikan antara gender dan profesionalisme guru seperti yang disokong oleh Clifford dan Akpochafo (2015) dan Wanakacha et al. 2018.

Selain itu, pengalaman mengajar diiktiraf sebagai komponen kritikal dalam kerjaya perguruan. Menurut Avvisati (2018), penglibatan dan interaksi dalam proses pendidikan meningkatkan pengalaman guru. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun lebih bersedia daripada guru yang kurang pengalaman (Jaggil & Muhamad Suhaimi, 2018). Prestasi kerja, pencapaian murid, dan peningkatan sistem pendidikan juga dikaitkan dengan pengalaman kerja guru (Kini & Podolsky, 2016; Ladd, 2013). Pengalaman mengajar juga mempengaruhi kepuasan kerja guru dan ketahanan mereka dalam kerjaya (Toropova et al., 2019). Walaupun tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam sikap atau pengetahuan, kajian ini mendapati bahawa peringkat perkembangan guru berdasarkan pengalaman mengajar dan tempoh perkhidmatan mempengaruhi kemahiran profesionalisme. Kajian terdahulu, seperti Pa-alisbo (2017) dan Turmini et al. (2020) menunjukkan bahawa pengalaman mengajar tidak selalu menentukan profesionalisme seorang guru. Walau bagaimanapun, kajian lain mendapati bahawa guru dengan pengalaman yang lebih lama mempunyai kemahiran yang berbeza dan boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran (Khalis et al., 2009; Sheng, 2020; Razila et al., 2019; Now & Podolsky, 2016). Menurut Irvine (2018), hubungan antara keberkesanan pengajaran dan pengalaman mengajar adalah rumit dan tidak teratur. Semua guru, termasuk yang paling berpengalaman, memerlukan sokongan kemahiran untuk perubahan dalam teknologi dan kaedah terkini (Palmer, 2015; Graham et al., 2020).

Keputusan kajian ini mempunyai kesan yang besar kepada individu, pertubuhan dan negara dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan. Ia menunjukkan betapa profesionalisme guru memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran abad ke-21 kerana mereka menggunakan

sikap, pengetahuan dan kemahiran sebagai komponen kecekapan. Walau bagaimanapun, kajian tentang profesionalisme guru sekolah di Malaysia masih kekurangan. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Aizat dan Kamarudin (2020), peningkatan sistem pendidikan negara akan dihalang oleh kekurangan profesionalisme guru. Hasil kajian ini boleh membantu pihak berkepentingan meningkatkan profesionalisme guru dalam PAK21. Kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar guru adalah penting untuk keberkesanan profesionalisme dalam pembudayaan PAK21 walaupun ianya tidak dipengaruhi oleh tempoh perkhidmatan (Pa-alisbo, 2017). Kajian ini juga menyediakan data empirikal mengenai peranan demografi terutamanya gender dalam profesionalisme guru di Malaysia. Menilai kecekapan sendiri adalah penting dengan mengambil kira keperluan kemahiran ini berdasarkan gender. Selain itu, sikap dan amalan pengajaran pengajar mempunyai kesan yang ketara terhadap motivasi dan prestasi murid (Kollmayer et al., 2020).

RUJUKAN

- Abdul Rahim, Nooraini Abdullah & Abdul Halim (2017). Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Abad Ke-21. In: Isu-Isu Pendidikan Kontemporari. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, pp. 567-584. ISBN 978-967-0194-68-4.
- Abu Yazid Abu Bakar, Salleh Amat, & Mohd Izwan Mahmud (2019). Issues And Challenges Of 21st Century Teaching And Learning: The Malaysian Experience. *International Journal of Management and Applied Science*, 5 (12), 6-11.
- Adil, M. S. (2016). Impact of Change Readiness on Commitment to Technological Change, Focal, and Discretionary Behaviors: Evidence from The Manufacturing Sector of Karachi. *Journal of Organizational Change Management*, 29(2), 222-241.
- Ahiatrogah, P.D. (2017). Gender Dimension in the Development of Effective Teaching Skills Among University of Cape Coast (UCC) Distance Education Students. *World Journal of Education*, 7(4), 12-23.
- Ainonmadiyah Mohd. Nawawi, Awanis Mohd, Norhana Md. Saad, Juliana Baharuddin, & Siti Noor Ismail (2016). Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru Dengan Tahap Ponteng Sekolah Menengah Di Daerah Bachok, Kelantan. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), v111-503.
- Anagün, S. S. (2018). Teachers' Perceptions About The Relationship Between 21st Century Skills and Managing Constructivist Learning Environments. *International Journal of Instruction*, 11(4), 825-840.
- Avvisati, F. (2018). Why Experience Matters In Teaching.
- Badrul Hisham Bin Alang Osman (2016). Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke- 21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10*, 2016.
- Bahagian Pendidikan Guru (2009). Standard Guru Malaysia (SGM). Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru (2020). Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Berliner, D. C. (1988). The Development of Expertise in Pedagogy. Charles W. Hunt Memorial Lecture Presented at the Annual Meeting of the American Association of Colleges for Teacher Education. New Orleans.
- Cambridge Dictionary (2021). Cambridge University Press.
- Caroline @ Lorena David & Abdul Said Ambotang (2014). Profesionalisme Guru Novis Dalam Pengurusan Pengetahuan, Kesediaan Mengajar Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Di Sekolah. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga. ISBN : 978-967-0582-32-0.
- Clifford, O. E. & Akpochofo, W.P. (2015). Gender Difference among Social Studies Teachers' Competences in the Use of the Inquiry Method in South-South Nigeria. *Journal of Education and Practice*, 6(23), 48-51.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2011). Research Methods In Education. Routledge.
- Dewan Bahasa & Pustaka (1994). Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga, Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, Kuala Lumpur.

- Finkelhor, D. & Berliner, L. (1995). Research On The Treatment Of Sexually Abused Children: A Review And Recommendations. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 34, 1408-1423.
- Fuller, F.F. (1969), Concept of Teachers : A Developmental Conceptualization. *American Educational Research Journal*, 6(2). Hal. 207-226.
- Graham, L. J., White S. L., Cologon, K., & Pianta, R. C (2020). Do Teachers' Years Of Eperience Make A Difference In The Quality Of Teaching ?. *Teaching and Teacher Education*, 96, 103190.
- Habibah@Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, Norshahrul Marzuki Mohd Nor (2016). Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Aspek Pengajaran. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol. 3, No.3. 85 –109 e-ISSN 2289-7909
- Haug, B. S., & Mork, S. M. (2021). Taking 21st Century Skills From Vision To Classroom: What Teachers Highlight As Supportive Professional Development In The Light Of New Demands From Educational Reforms. *Teaching and Teacher Education*, 100, 103286.
- Irvine, J. (2019). Relationship Between Teaching Experience And Teacher Effectiveness: Implications For Policy Decisions. *Journal of Instructional Pedagogies*, 22.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat (2018). Pengaruh Kesediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 3, Issue 4, (page 6 - 22).
- Jamilah Sulaiman & Siti Noor Ismail (2020). Teacher Competence And 21st Century Skills In Transformation Schools 2025 (TS25). *Universal Journal of Educational Research*, 8(8), 3536-3544.
- Junita Sulaiman & Wan Mohd Rashid Wan Ahmad (2020). Kompetensi Dalam Menentukan Profesionalisme Guru Vokasional Di Malaysia : Cabaran Ke Arah Pembangunan Profesionalisme Guru TVET. Online Journal for TVET Practitioners.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) (2005). Jakarta: PT (Persero) Penerbitan dan Percetakan.
- Kang Mu Huai & Lim Hooi Lian (2015). Pengetahuan Dan Keprihatinan Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Universiti Sains Malaysia. JPBU Vol. 8 (2015) ISSN 1394-7176 22.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, S., & Ahmad Tajuddin Othman (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah (The Influence of Teacher Training and Teaching Experience on Secondary School Teacher Efficacy). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 34(2), 3-14.
- Kim, S., Pyon, T., & Yoo, S. J. (2017). Does Gender Still Matter? The Usage and Acceptance of Smartphones for Learning in Higher Education. *Journal of Learner-Centered Curriculum and Instruction*, 17(20), 665-687.
- Kini, T. & Podolsky, A. (2016). Does Teaching Experience Increase Teacher Effectiveness? A Review Of The Research.
- Kollmayer, M., Schultes, M. T., Lüftenegger, M., Finsterwald, M., Spiel, C., & Schober, B. (2020). REFLECT–A Teacher Training Program To Promote Gender Equality In Schools. *In Frontiers In Education* (Vol. 5, No. 136, pp. 1-8). Frontiers.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W.(1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Ladd, H.F. (2013). Why Experienced Teachers Are Important - And What Can Be Done To Develop Them.
- Lim, B. F. Y. (2019). Women Left Behind? Closing The Gender Gap In Malaysia. *Japan Labor Issues*, 3(17), 22-29.
- Maizura Yasin dan Nur Surayyah Madhubala Abdullah. (2018). Sudut Pandangan Guru Pelatih Pendidikan Moral Terhadap Cabaran Pelaksanaan PdPC Abad Ke-21 di Sekolah (The Perspective of Moral Education Trainee Teachers on the Challenges in Conducting PDPC of 21st Century in School). *Malaysian Online Journal of Education* Vol. 2, No. 2 (2018), 36-45.

- Maziahtusima Ishak, Hazlina Abdullah, Sakinah Ahmad, Yuslina Mohamed. (2019). Mendepani Cabaran Era Revolusi Industri 4.0 : Hubungan Amalan Pembelajaran Berterusan Dengan Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat.
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan Di Semenanjung Malaysia. *Universiti Pendidikan Sultan Idris. Management Research Journal* Vol. 9 No.2 (2020), 37-45.
- Mohammad Azri Amatan & Han, C. G. K. (2020). Perbezaan Faktor Demografi dalam Efikasi Kendiri Guru dan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21: Differences in Demographic Factors in Teacher Self-Efficacy and 21st Century Teaching and Learning Practices. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 18(1), 17-36.
- Nazihah Safiah Binti Wahab (2018). Penggunaan Roda Asean Dalam Membantu Murid Tahun 5 Menguasai Tajuk Bendera Negara-Negara Di Asia Tenggara. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial* Jilid 1, 2018 99.
- Ninlawan, G. (2015). Factors Which Affect Teachers' Professional Development In Teaching Innovation And Educational Technology In The 21st Century Under The Bureau Of Special Education, Office Of The Basic Education Commission. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 197, 1732-1735.
- Noor Lela Ahmad, Sho, S. L., Hariyati Ab Wahid, & Rohaila Yusof (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 37-51.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. In *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (Vol. 23, No. 1, pp. 87-105).
- OECD (2017). *Gender Imbalances In The Teaching Profession*. *Education Indicators In Focus*, 49, OECD. Publishing, Paris. <https://doi.org/10.1787/54f0ef95-en>.
- O'Brien, S. (2016). *A Journey Inside Education : Four Roads To Raise A Scholar*. Abingdon: Routledge Is An Imprint Of The Taylor & Francis Group, An Informa Business.
- Ornstein, A. C. & Levine, D. V. (2017), *Foundation of Education* 13th Edition. Cengage Learning.
- Pa-alisbo, M. A. C. (2017). The 21st Century Skills and Job Performance of Teachers. *Online Submission*, 8(32), 7-12.
- Palmer, T. (2015). 15 Characteristics Of A 21st-Century Teacher. Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid (2018). *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum Dan Pengajaran*. Seminar Penyelidikan Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila, & Mashita Abu Hassan (2019). Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research*, 1(4), 1-23.
- Roustae, R. O. Y. A. (2015). *Relationship Between Teachers' Professional Learning And Teaching Practices In Selangor, Malaysia*. (Doctoral Dissertation, Masters Thesis, Universiti Putra Malaysia).
- Sabariah Sharif, Aishah Tamby Omar, & Suhaiman Mondus (2013). Organisasi Pembelajaran dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 19, 183-212.
- Saleh, A., & Bista, K. (2017). Examining Factors Impacting Online Survey Response Rates in Educational Research: Perceptions of Graduate Students. *Online Submission*, 13(2), 63-74.
- Sheng, N. J. (2020). Perbezaan Jantina Dan Pengalaman Mengajar Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Terhadap Pengajaran Pendidikan Keselamatan Jalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 82-92.
- Toropova, A., Myrberg, E., & Johansson, S. (2021). Teacher Job Satisfaction: The Importance Of School Working Conditions And Teacher Characteristics. *Educational Review*, 73(1), 71-97.
- Turmini, Muhammad Kristiawan, & Artanti Puspita Sari (2018). The Influence Of Education, Training, And Experience Towards Teacher's Professionalism. *Electronic Research Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(11), 102-110.
- Trotter, R. (1986). The Mystery Of Mastery. *Psychology Today*. 20(7), 32-38.
- Vuyisile-Msila (2015). Teacher Readiness and Information and Communications Technology (ICT) Use in Classrooms: A South African Case Study. *University of South Africa. Creative Education* Volume 6(Issue 18):1973-1981.

- Wanakacha, C. K., Aloka, P. J., & Nyaswa, P. (2018). Gender Differences In Motivation And Teacher Performance In Core Functions In Kenyan Secondary Schools. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 7(1), 89-89.
- Warner, S., & Kaur, A. (2017). The Perceptions Of Teachers And Students On A 21st Century Mathematics Instructional Model. *International Electronic Journal of Mathematics Education*, 12(2), 193-215.
- Washington, B. (2019). The Importance Of Professional Development In The 21st Century.
- Yusof, H., & Mei Hung, C. (2018). Hubungan Profesionalisme Guru dengan Kepimpinan Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sarawak. *Management Research Journal*, 7, 1 -12.
- Zahri Ramlan (2017). Reka Bentuk Modul Latihan Perkembangan Profesional Guru Dalam Persekitaran Pembelajaran Maya.